

**STRATEGI PELAKSANAAN**  
**PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN DI PUSAT**  
**PEMBELAJARAN (FASA 2)**

**NAMA PUSAT : OUTDOOR LEARNING CENTRE**

**FUNGSI : OUTDOOR @ AKTIVITI LUAR**

**TAJUK : PARKIR LOT**

BIL	PERKARA	CATATAN	
1	<b>STANDARD KANDUNGAN</b>	FK 2.1	Meneroka pelbagai pergerakan (kesedaran ruang)
2	<b>STANDARD PEMBELAJARAN</b>	FK 2.1.3	Melakukan pergerakan mengikut arah
		KD 2.2.1	Membezakan antara kehendak yang diinginkan dengan keperluan untuk membuat pemilihan dalam sesuatu situasi
3.	<b>STREAM</b>	<b>S</b>	Meneroka persekitaran parkir lot
		<b>T</b>	Dapat mengawal stereng kereta menuju destinasi
		<b>R</b>	Bersikap berdikari dan berkerjasama dalam melakukan aktiviti
		<b>E</b>	Mengecam dan mengenal pasti nombor plat kereta
		<b>A</b>	Memadankan no plat kereta di tapak parkir.
		<b>M</b>	Mengenal nombor dan huruf
4.	<b>OBJEKTIF PEMBELAJARAN</b>	Kanak-kanak dapat mengenal nombor dan huruf plat kereta	
5	<b>ABM</b>	Kad nombor, kereta kotak, litar (parking), kotak yang telah diwarnakan hitam, nombor dan huruf	
6	<b>NILAI MURNI</b>	Bertolak ansur dan bekerjasama	
7	<b><u>STRATEGI PELAKSANAAN</u></b>		

1. Kanak-kanak dibawa ke garaj kereta.
2. Kanak-kanak dibahagikan kepada 5 kumpulan
3. Setiap kanak-kanak memilih plat kereta masing-masing.
4. Kanak-kanak diberi penerangan tentang undang-undang dan peraturan semasa meletak kereta diparkir.
5. Kanak-kanak menyebut nombor dan huruf yang terdapat pada plat kereta.
6. Guru meminta kanak-kanak memandu kereta dan mencari tempat parkir kereta mengikut plat yang diberikan oleh guru.
7. Kanak-kanak digalakkan mengambil giliran semasa aktiviti dijalankan.
8. Selepas aktiviti guru berbincang bersama kanak-kanak tentang pengalaman mereka.

**Nota:**

**guru boleh menyediakan pelbagai BBM berdasarkan kreativiti guru serta minat kanak-kanak**